

KENYATAAN AKHBAR

STATUS KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2010/2011

1. Sukacita dimaklumkan bahawa status keputusan permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf boleh diperolehi melalui saluran web seperti di **Lampiran 1**, mulai **1 Mei 2010 (Sabtu) mulai jam 12.00 tengah hari**.
2. Calon boleh mencetak surat tawaran melalui Laman Web Rasmi IPTA seperti dalam **Lampiran 2 mulai 03 Mei 2010**.
3. Semua calon yang berjaya dikehendaki membuat **pengesahan penerimaan tawaran** oleh IPTA **dalam tempoh 7 hari bekerja iaitu pada atau sebelum 10 Mei 2010**. Pengesahan penerimaan tawaran boleh dibuat melalui Laman Web Rasmi IPTA seperti di **Lampiran 2**.
4. Tarikh pendaftaran pelajar baru ke IPTA bagi Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf adalah pada **3 atau 4 Julai 2010**. Walau bagaimanapun pendaftaran pelajar baru ke **Program Asasi** UM, UIAM, UiTM, USIM, UPNM dan UNIMAS pula pada **23 Mei 2010**. Calon dikehendaki menyemak maklumat tawaran di laman web IPTA berkaitan.

5. Kementerian Pengajian Tinggi bersetuju melaksanakan dasar tawaran terbuka dengan pelbagai institusi dan agensi penaja yang menawarkan program bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf. Justeru ramai calon cemerlang SPM 2009 akan menerima lebih dari satu tawaran. Pemohon yang berjaya perlu membuat keputusan yang bijak dan tepat serta mendaftar ke program yang dipilih mengikut jadual dan tarikh yang ditetapkan. Bagi pemohon yang tidak berjaya ke IPTA tetapi menerima tawaran ke institusi lain dinasihatkan mendaftar ke program berkaitan kerana tawaran tempat ke IPTA adalah terhad. Bagi yang gagal mendapat tawaran ke IPTA digalakkan mempertimbangkan tawaran belajar ke Politeknik, Tingkatan 6, Kolej Komuniti dan Kursus Sijil Kemahiran Malaysia yang juga menyediakan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar lepasan SPM.

6. Hanya calon gagal menerima sebarang tawaran ke IPTA dibenarkan mengemukakan rayuan melalui Aplikasi e-Rayuan ke BPKP JPT dalam tempoh **10 hari bekerja** selepas keputusan rasmi permohonan kemasukan ke IPTA diumumkan melalui Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA di <http://upu.mohe.gov.my> . Tarikh tutup permohonan e-Rayuan ialah pada **15 Mei 2010**. **Dasar Pemilihan Kes Rayuan adalah untuk mengisi kekosongan tempat yang berlaku mengikut program pengajian dan IPTA selepas pendaftaran pelajar baru.**

7. Keputusan rayuan akan dimaklumkan pada minggu ketiga Julai 2010. Jika tiada sebarang tawaran diterima dari IPTA 4 minggu

selepas tarikh pendaftaran IPTA tersebut, maka rayuan mereka dianggap gagal.

8. Kemudahan "*Hotline*" dan "*Helpline*" disediakan untuk membantu menjawab sebarang kemusykilan calon. Calon boleh menghubungi Talian Telefon: **03-88835858 dan 03-88835848** untuk bantuan.

**Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

1 Mei 2010

LAMPIRAN 1

HEBAHAN STATUS KEPUTUSAN

BIL	SALURAN HEBAHAN	NO. TELEFON / LAMAM WEB
1.	Helpline	03-88835848
2.	Hotline (10 talian)	03-88835858
3.	Laman Web	http://upu.mohe.gov.my http://jpt.utm.my http://jpt.uum.edu.my
4.	Sistem Pesanan Ringkas(SMS) (Short Messaging Service) <ul style="list-style-type: none">• Untuk Semua Talian Telefon Bimbit	Sila taip: UPU RESULT [No. KP] dan SMS ke: 15888

LAMPIRAN 2**URL SURAT TAWARAN
BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF
SESI AKADEMIK 2010/2011**

BIL	IPTA	URL IPTA
1	UM	http://www.um.edu.my/kemasukan
2	UPM	http://www.esmp.upm.edu.my/tawaran
3	UTM	http://www.jpt.utm.my
4	UIAM	http://iiu.edu.my/kemasukan/tawaran.html
5	UPSI	http://www.upsi.edu.my/tawaran
6	UiTM	http://istudent.uitm.edu.my/intake
7	UNIMAS	http://www.unimas.my/Kemasukan/ProgramAsasi
8	UTHM	http://webapp.uthm.edu.my/tawaran
9	UMT	http://www.umt.edu.my/tawaran.php
10	USIM	http://www.usim.edu.my/kemasukan/tawaran
11	UTeM	http://www.utm.edu.my/kemasukan
12	UMP	http://www.ump.edu.my/kemasukan
13	UniMAP	http://www.unimap.edu.my/tawaran
14	UDM	http://www.udm.edu.my/tawaran/
15	UPNM	http://www.upnm.edu.my/kemasukan/tawaran